

**PERMOHONAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN
PENTADBIR AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Kekosongan Jawatan	1. Ketua Unit Pengurusan Kualiti
2.	Kriteria-kriteria calon yang dikehendaki	Sila rujuk Lampiran B
3.	Cara-cara memohon	<p>1. Mengisi borang yang disertakan bersama dua (2) keping gambar berukuran pasport.</p> <p>2. Mengemukakan <i>curriculum vitae</i> (cv) yang lengkap (mengandungi butir-butir peribadi, maklumat kerjaya, sumbangan kepada Universiti dan masyarakat serta dua orang referee peribadi).</p> <p>3. Nyatakan kelebihan dan sumbangan profesional yang boleh diberikan kepada Universiti sekiranya dipilih memegang jawatan ini (tidak lebih dari dua muka surat sahaja).</p>
4.	Tarikh tutup permohonan	13 November 2023 (Isnin)
5.	Permohonan hendaklah dihantar kepada	<p>Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang 18500 Machang Kelantan</p>

**KRITERIA PEMILIHAN JAWATAN
PENTADBIR AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

Pemilihan jawatan mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah telah disahkan dalam perkhidmatan, mempunyai kelayakan akademik, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod baik dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus Penyandang mestilah :

- a. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati.
- b. Mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik: memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- c. Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- d. Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskan dengan baik serta berhemah.
- e. Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.

iii. Reputasi

Penyandang mestilah:

- a. Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- b. Mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya.

iv. Personaliti

Penyandang mestilah:

- a. Seorang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- b. Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni dan Negara.

v. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.